

# Bola sepak eratkan staf UMSKAL, KKMM Labuan

JB 4.10.2019 19

**LABUAN:** Sukan bola sepak mampu mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan silaturahim antara pemain yang terlibat.

Ini terbukti menerusi perlawanan bola sepak persahabatan antara pasukan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) Wilayah Persekutuan Labuan yang diadakan di Padang Sintetik, Kompleks Sukan Labuan, malam Rabu lalu.

Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah berkata, perlawanan itu juga diadakan untuk menguji kekuatan dan keserasian pemain UMSKAL yang diketuai Yusdi Lamat.

“Perlawanan seperti itu penting untuk memantapkan lagi pasukan UMSKAL untuk menghadapi pertandingan di peringkat UMS pada masa akan datang,” katanya ditemui selepas menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Supian Musa sambil disaksikan pemain kedua-dua pasukan.

Zamri bagi pihak Pengarah UMSKAL, Prof Dr Murnizam Halik sentiasa mengalau-alukan perlawanan persahabatan dengan pasukan jabatan dan agensi



**ALBUM KENANGAN:** Pemain UMSKAL (kanan) dan KKMM Labuan bergambar kenangan sebelum perlawanan persahabatan bermula di Padang Sintetik, Kompleks Sukan Labuan.


kerajaan di wilayah ini.

Pada perlawanan itu, pasukan UMSKAL yang dibimbing jurulatih Asmawi Awang menewaskan KKMM Labuan 3-1 menerusi jaringan Mohd Nadzirul Rahmat, Syahrulnidzam Wahanin dan Mohd Nazri Ibrahim.

Manakala gol tunggal KKMM dijaringkan Mohammad Raiful.

Sementara itu, Supian berharap lebih banyak program dapat diadakan antara keduadua organisasi sekaligus mengukuhkan lagi jaringan persahabatan antara KKMM Labuan dan UMSKAL.

“Bola sepak adalah salah satu cara untuk kita mengeratkan silaturahim dalam kalangan kakitangan KKMM dan UMS Labuan,” katanya.



**AKSI:** Aksi menarik antara pemain UMSKAL dan KKMM Labuan.